

15 MAY 1997

#### PM MAHU PENGUSAHA TEMPATAN KELUARKAN KOMPONEN ELEKTRIK

LUMUT, 15 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan pengusaha tempatan meluaskan operasi ke luar negara dengan menceburi bidang pengeluaran komponen yang lebih penting bagi industri elektrik.

Perdana Menteri berkata pengusaha tempatan perlu menghasilkan komponen penting seperti turbin dan generator, transformer, gear suis dan kabel berkapasiti tinggi.

"Mungkin sektor swasta berasa sangsi untuk menceburi bidang ini kerana pasaran yang terhad di Malaysia. Saya menyeru supaya mereka memandang lebih jauh ke hadapan dan ke pasaran di luar lingkungan sempadan Malaysia," katanya ketika merasmikan Loji Janakuasa Lumut di Segari dekat sini.

Katanya, walaupun terdapat syarikat tempatan yang mengeluarkan komponen bagi industri elektrik, bilangannya masih kecil dan tertumpu dalam bidang yang mudah.

Loji janakuasa Lumut, yang dikendalikan oleh Segari Energy Ventures Sdn Bhd, menghasilkan 1,303 megawatt elektrik, merupakan loji janakuasa kitar padu terbesar di Malaysia dan di Asia Tenggara dan yang ketiga terbesar di dunia.

Dr Mahathir berkata Malaysia harus mengambil peluang dalam proses pensejagatan agar tidak ketinggalan.

"Oleh itu saya suka menyeru usahawan tempatan supaya menjuruskan tenaga dan kepakaran mereka ke arah meluaskan horizon operasi mereka," katanya.

Negara, kata beliau, tidak boleh berpuas hati dengan kejayaan dalam bidang penjaan dan perkhidmatan operasi dan penyelenggaraan sahaja kerana agenda lebih besar yang perlu dicapai ialah pembangunan industri pembuatan komponen dan fabrikasi bagi industri elektrik.

Perdana Menteri berkata ia sejajar dengan usaha membina industri barang perantaraan dan pelaburan bagi mengurangkan import barangan tersebut yang merupakan 85 peratus daripada import negara.

"Import barangan ini akan terus besar selagi kita tidak berkemampuan mengeluarkannya sendiri," katanya.

Menurut Dr Mahathir, dalam melaksanakan projek janakuasa, kerajaan memutuskan agar loji janakuasa pada masa depan menggunakan arang batu dengan teknologi "arang batu bersih".

Katanya, penggunaan arang batu selaras dengan dasar pembelbagaian empat bahan api dan supaya penjaan tidak terlalu bergantung kepada gas.

"Walau bagaimanapun, dalam penggunaan arang batu, kerajaan tidak mahu soal alam sekitar diabaikan," katanya.

Perdana Menteri berkata semua Penjanakuasa Elektrik Persendirian (IPP) yang beroperasi di negara ini setakat ini menggunakan bahan bakar yang bersih iaitu gas, yang lebih mesra alam, katanya.

"Sehingga tahun 2000, penggunaan gas dalam penjaan dijangka dalam lingkungan 70 peratus," katanya.

Mengenai pencapaian IPP, Dr Mahathir berkata sebanyak lima IPP termasuk Segari Energy Ventures telah beroperasi dengan jumlah kapasiti penjaan elektrik sebanyak 4,112 Megawatt.

Bagaimanapun, katanya, negara tidak boleh berpuas hati dengan kapasiti penjaan yang mencukupi sahaja dan menambah: "kita perlu menentukan bekalan yang terjamin sepanjang masa."

"Selain TNB (Tenaga Nasional Berhad), saya suka menyeru supaya pihak IPP juga memikul bersama tanggungjawab ini dengan menentukan loji janakuasa mereka sentiasa beroperasi dengan efisien dan diselenggara dengan rapi,"

katanya.

Beliau berkata bekalan elektrik berkualiti tinggi adalah keperluan asas terpenting dalam peralihan ke arah pembangunan industri berteknologi tinggi.

Perdana Menteri berkata kerajaan yang telah memberi lesen kepada sektor swasta untuk pembekalan elektrik berkualiti tinggi bagi Taman Teknologi Tinggi Kulim, menjangkakan permintaan yang serupa di lokasi lain di Malaysia.

Perdana Menteri kemudiannya melawat bilik kawalan Loji Janakuasa Lumut dan menanam seponon pokok berhampiran kelab riadah loji itu.

Loji berkenaan dapat membekalkan 11 peratus kuasa tambahan ke dalam Grid Kebangsaan apabila fasa akhir pembinaannya, iaitu blok dua, disiapkan enam bulan lebih awal daripada dijangkakan.

Loji bernilai RM4,000 juta mengandungi dua blok yang serupa, setiap satunya berupaya mengeluarkan 651.5 megawatt. Blok satu mula beroperasi pada 28 Mei tahun lepas manakala blok dua, pada 10 Jan lepas.

SEV dimiliki sebanyak 75 peratus oleh Malakoff Bhd, anggota kumpulan syarikat Malaysian Resources Corporation Bhd, TNB (20 peratus) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (lima peratus).

Pada majlis itu, SEV turut menyampaikan sumbangan bernilai RM200,000 kepada masyarakat setempat untuk pemasangan lampu.

Sebelum ini, sebagai memenuhi tanggungjawab sosialnya, SEV telah membina sebuah masjid di Kampung Segari serta menjadikan sebuah sekolah di situ sebagai sekolah angkat.

Turut hadir pada majlis hari ini ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik. -- BERNAMA

RAZ SIA